

ABSTRAK

Kajian ini membincang tentang penukaran kod dalam kalangan guru-guru Sains di Sekolah Tamil, khususnya di SJK(T) Vivekananda, Brickfields Kuala Lumpur. Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis kekerapan peringkat penukaran kod, mengenal pasti pola - pola penukaran kod dan faktor-faktor yang mempengaruhi berlakunya penukaran kod. Pengkaji telah memilih enam orang guru sebagai sampel kajian. Sampel yang dipilih terdiri daripada 2 orang guru lelaki dan 4 orang guru perempuan. Pemilihan sampel dibuat mengikut tahap pencapaian akademik yang setaraf iaitu Diploma Perguruan. Pengalaman mengajar lebih daripada enam tahun turut diambil kira semasa pemilihan sampel. Kaedah kualitatif dan kuantitatif telah digunakan oleh pengkaji. Instrumen kajian seperti pemerhatian, rakaman audio dan soal selidik telah digunakan untuk mengumpul data. Hasil rakaman tersebut ditranskripsikan untuk membuat analisis terhadap kekerapan penukaran kod pada peringkat perkataan, frasa, klausa dan ayat. Kajian menunjukkan bahawa penukaran kod berlaku pada peringkat perkataan, frasa, klausa dan ayat. Walau bagaimanapun, dapatan kajian menunjukkan penukaran kod kerap berlaku pada peringkat ayat. Sampel lebih kerap menggunakan bahasa Tamil berbanding dengan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sewaktu pengajaran. Oleh yang demikian, semua guru harus bekerjasama bagi mengatasi fenomena penukaran kod dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

ABSTRACT

This research discusses the code switching phenomena among science teachers in Tamil Schools, especially in SJK (T) Vivekananda, Brickfields Kuala Lumpur. The objective of this research is to analyze and draw possible conclusions on the absorption level of the nature of this type of code switching. The notion of polarity and the factors that influence the execution of this code switching is also defined. The researcher selected six teachers for the present study (2 males and 4 females subjects). This selection also takes into consideration the minimum academic achievement that is Diploma in teaching. Another pre- requirement being teaching experience of more than six years. Qualitative and quantitative methods were used by the researcher. The process used in this research includes observation, audio recording, and research based questionnaires to collect the data. The audio recording was later transcribed so as to analyse on the absorption level of the code switching at word, phrase, clause and sentence level. The research satisfactorily established good absorption level in these categories. It was also established through the research that the absorption level was higher at the of sentence level. The study shows that the subjects used more Tamil then Malay and English in their teaching. So the researcher recommends that all the teachers must cooperate to over come code switching phenomena in teaching to facilitate better communication.

PENGHARGAAN

Saya bersyukur kepada Tuhan kerana dengan keizinan dan keberkatanNya kajian ini telah disiapkan dengan sempurna. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah Encik Krishnan Ramasamy selaku penasihat dan penyelia kajian ini. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas segala tunjuk ajar, nasihat dan sokongan yang tidak terhingga yang disampaikan oleh beliau sehingga hasilnya kajian ini. Beliau juga memberi kata-kata semangat kepada saya untuk menyiapkan kajian ini. Sudah pastinya tanpa dorongan dan tunjuk ajar beliau, sukarnya saya menyiapkan kajian ini.

Seterusnya, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Guru besar SJK(T) Vivekananda, Brickfields iaitu Puan B.Valarmathi yang telah memberi keizinan untuk menjalankan kajian di sekolah tersebut. Tidak lupa juga kepada guru-guru SJK(T) Vivekananda, terutama keenam-enam guru yang menjadi sampel dalam kajian ini. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka kerana memberi sepenuh kerjasama dan meluangkan masa serta berkongsi idea dengan saya demi menyiapkan kajian ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua staf Fakulti Bahasa Liguistik yang membantu saya secara langsung mahupun tidak langsung bagi menyiapkan kajian ini.

Akhir sekali, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli keluarga dan kawan-kawan yang telah bersama saya untuk membuat rujukan berkaitan dengan kajian, membantu menganalisis data serta membincangkan hasil kajian. Mereka turut memberi sokongan moral dan memberi kata-kata motivasi kepada saya bagi menyiapkan kajian ini.